



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KIMIA MALAYSIA - BERNAS UMUM KERJASAMA STRATEGIK TINGKAT PIAWAIAN KUALITI BERAS

Inisiatif pertama seumpamanya bertujuan memajukan kaedah pengujian beras dan keterjaminan makanan negara.

SHAH ALAM, 14 Oktober 2024 – Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), pemain utama di dalam industri beras negara, hari ini telah memeterai Nota Kerjasama bagi melaksanakan ujian perbandingan antara makmal (*interlaboratory comparisons*, ILC) dan ujian kemahiran untuk aktiviti penggredan beras.

Makmal BERNAS yang diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui ISO ISO7301 dan ISO11746 bakal mengukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan kualiti beras secara keseluruhan di Malaysia, memandangkan ILC akan memastikan konsistensi, kebolehpercayaan dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa.

Melalui kerjasama ini, BERNAS akan membantu KIMIA Malaysia dalam membangunkan kaedah, menyediakan latihan penganalisaan ke atas sampel beras dan membincangkan isu-isu berkaitan penganalisaan beras untuk tujuan ujian perbandingan antara makmal di samping meningkatkan ujian kemahiran bagi analisis beras.

Nota kerjasama ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BERNAS, Zulkiflee Abdul Rahman dan Marhayani binti Md Saad, Ketua Pengarah KIMIA Malaysia serta disaksikan oleh Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI.

“Kami mengalu-alukan kerjasama di antara BERNAS dan KIMIA Malaysia di dalam ILC dan ujian kecekapan yang julung kali diadakan untuk penggredan beras. Kami yakin bahawa inisiatif ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan ke atas industri padi dan beras negara, sekaligus memberikan kesan yang positif kepada kualiti, keselamatan makanan dan kebolehpercayaan rantaian bekalan padi dan beras dalam jangka masa panjang”, kata Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI dalam ucapannya.

“Kerjasama ini bukan sahaja selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi yang didorong oleh sains, teknologi dan inovasi (STI), malah ia juga menyokong agenda keterjaminan makanan negara dan meningkatkan daya saing industri beras Malaysia. Kami menantikan hasil positif daripada kerjasama ini dan mengalu-alukan penyertaan lebih banyak makmal di seluruh negara dalam masa terdekat,” ujar beliau lagi.

BERNAS bersedia untuk berkongsi pengalamannya dan sebagai antara pemegang amanah industri padi dan beras negara, kami komited untuk bekerjasama dengan semua agensi kerajaan dan pemain industri dalam mendukung agenda keterjaminan makanan negara

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
14 OKTOBER 2024**



Jabatan Kimia Malaysia, yang ditubuhkan sejak tahun 1909, merupakan sebuah agensi saintifik di bawah Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) yang menyediakan perkhidmatan analisis saintifik, forensik, dan teknologi kepada sektor kerajaan, swasta, serta orang awam.

Selama 115 tahun, jabatan ini berbangga berada di barisan hadapan dalam menyokong pelbagai industri termasuk keselamatan makanan, kesihatan, persekitaran, dan keadilan jenayah melalui kepakaran dalam analisis kimia dan forensik.

Melalui komitmen terhadap kecemerlangan teknikal dan inovasi, Jabatan Kimia Malaysia terus menjadi rakan strategik dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan negara.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Cik Michelle Teh Phaik Kim

016-564 5978



BERNAS ditubuhkan pada 1994 dan mengambil alih peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk mengawasi perkembangan industri padi dan beras negara. Selama lebih tiga dekad, BERNAS telah menjadi pemain utama di dalam industri padi dan beras negara dan diiktiraf sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai untuk keselamatan dan keterjaminan makanan.

Slogan "Kesejahteraan Untuk Semua," mencerminkan nilai dan komitmen kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang terbaik kepada negara dan berusaha untuk memenuhi kewajipan dengan penuh dedikasi serta mengimbangi keperluan semua pihak berkepentingan dalam meningkatkan piawaian kualiti tertinggi merentasi rantai bekalan kami.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Kuzaimah Idris

Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat

Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Email: kuzaimah@bernas.com.my

Tel: 019 884 1604